

**JASAD LUMPUNG BERWARNA :**  
**FORMULASI DAN TEKNIK.**

Oleh :

**NORHASLINDA ISMAIL**

91190045

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka, Institut Teknologi MARA sebagai memenuhi keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

- |    |                 |        |
|----|-----------------|--------|
| 1. | Diperiksa oleh  | Tarikh |
| 2. | Diperiksa oleh  | Tarikh |
|    | Diluluskan oleh | Tarikh |

Dekan

Kajian Senilukis dan Senireka

Institut Teknologi MARA

40450 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan.

## Isi Kandungan

1. Halaman pemeriksa
2. Penghargaan
3. Pendahuluan
4. Sinopsis
5. Senarai gambar
6. Senarai sisipan
7. Bab 1 - Pengenalan
8. Bab 2 - Penyediaan Lumpung Berwarna
9. Bab 3 - Ujikaji-ujikaji Lumpung Berwarna
10. Bab 4 - Kajian Suhu Pembakaran
11. Bab 5 - Keputusan Ujikaji
12. Bab 6 - Perbincangan
13. Bab 7 - Teknik Dekorasi Lumpung Berwarna
14. Bab 8 - Kesimpulan

## **Penghargaan**

Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah syukur kehadiran yang Esa, kerana dengan limpah kurnianya dapat juga saya menyiapkan tesis ini. Setelah bertungkus-lumus akhirnya selesai juga tesis ini walaupun tidak selengkap mana, tetapi dengan adanya penulisan ini dapatlah menjadi rujukan kepada para pelajar jabatan seramik khususnya dan juga kepada mereka-mereka yang ingin mengetahui secara lanjut tentang seramik amnya.

Ucapan terimakasih yang tak terhingga kepada penasihat saya Encik Khalil Sulaiman yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang menyiapkan tesis ini. Juga tidak ketinggalan kepada semua tenaga pengajar di jabatan seramik, Encik Rahim, Puan Faridah dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak. Serta tidak ketinggalan kepada juruteknik bengkel Encik Hamdan yang telah memberikan kerjasama beliau selama proses ujikaji dijalankan.

Khas buat teman-teman seperjuangan yang tidak pernah jemu membantu dan memberikan dorongan selama pengajian saya di sini. Buat bonda dan Ayahanda serta keluarga tercinta, diatas segala pengorbanan yang telah diberikan selama ini akan tetap kusanjungsi.

## **Pendahuluan**

Penggunaan pewarna sebagai bahan dekorasi keatas barangan seramik telah lama dipelopori iaitu sejak zaman purba lagi. Pewarna digunakan samaada dicampurkan ke dalam gerlis atau dicampurkan kedalam jasad (lumpung berwarna).

Namun begitu penggunaan pewarna kedalam gerlis lebih popular berbanding dengan mencampurkannya ke dalam lumpung. Tidak ramai yang menyedari bahawa penggunaan lumpung berwarna boleh mempelbagaikan teknik dekorasi berbanding dengan penggunaan licau.

Dekorasi menggunakan licau hanya dapat diketahui setelah melalui proses pembakaran, seringkali pengkarya tidak dapat hasilkan kesan seperti apa yang mereka inginkan.

Menggunakan lumpung berwarna sebagai bahan dekorasi boleh menghasilkan berbagai teknik dekorasi mengikut kemahuan pengkarya. Ia lebih mudah dikawal seperti penggunaan slip berwarna (slip trailing).

Pengkajian yang dijalankan adalah untuk mengkaji secara mendalam untuk menghasilkan lumpung berwarna yang benar-benar bermutu dan menjimatkan penggunaan bahan pewarnanya.

## SINOPSIS

Lumpung berwarna merupakan salah satu media dekorasi barangan seramik. Penggunaan jasad berwarna ini agak jarang digunakan. Tetapi tidak ramai menyedari bahawa jasad berwarna ini boleh mengeksplotasi berbagai teknik dekorasi yang menarik.

Pengkajian yang dijalankan ialah untuk mengetahui kesan bahan pewarna apabila dicampurkan ke dalam lumpung mengikut peratusan tertentu dan juga kesan suhu ke atas jasad berwarna tersebut.

Penggunaan lumpung berwarna ini merupakan salah satu cara untuk mencari kelainan dalam penghasilan dekorasi barangan seramik. Teknik yang menggunakan jasad ini dapat mengatasi masalah dalam penghasilan licau yang selalunya tidak tetap kesannya selepas pembakaran.

Tujuan utama saya menjalankan ujikaji ini ialah

- 1) Mengkaji kesesuaian tanah terhadap pewarna yang digunakan
- 2) Mengkaji jenis pewarna yang paling stabil dan sesuai digunakan sebagai bahan pewarna jasad.
- 3) Mengkaji kesan suhu yang berlainan terhadap lumpung berwarna